

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, SELANGOR
BILANGAN 2 TAHUN 2010**

**Garis Panduan Pengeluaran Permit Bahan Batuan (Borang 4C)
Di Bawah Seksyen 72 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 Bagi
Tujuan Perlombongan Pasir Di Atas Tanah Milik
(Pindaan Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor
Bil.3/2009)**

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir-Pentadbir Tanah mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Dan Penyeragaman Berkaitan Bahan Batuan Dan Mineral Bil.1/2010 bertarikh 25 Mac 2010 berhubung garis panduan pengeluaran permit bahan batuan di bawah Seksyen 72 KTN bagi tujuan perlombongan pasir di atas tanah hak milik.

2. Melalui mesyuarat tersebut, pindaan Pekeliling PTGS Bil.3/2009 berhubung garis panduan pengeluaran permit bahan batuan di bawah Seksyen 72 KTN bagi tujuan perlombongan pasir adalah seperti berikut:

- i) Permohonan adalah terbuka kepada semua pemilik tanah berdaftar atau pemegang surat kuasa wakil (*Power of Attorney*) yang layak di sisi **KTN atau mana-mana individu dan syarikat yang mendapat kebenaran bertulis daripada pemilik tanah;**
- ii) Keluasan minima tanah yang dipohon **adalah 20 ekar.** Ia meliputi satu (1) lot tanah atau gabungan lot-lot yang bersempadan;
- iii) Meliputi semua kategori tanah bermilik **termasuk tanah yang memiliki Pajak Melombong dan Pajak Kuari.** Walau bagaimanapun, permohonan di atas tanah Lesen Pendudukan Sementara (LPS), tanah Anak Syarikat Kerajaan Negeri dan tanah rizab (simpanan) adalah tidak dibenarkan sama sekali; dan

- iv) Tuan tanah disyaratkan mengeluarkan dan memasarkan pasir mengikut **kuantiti minima sebanyak 50,000 MT/bulan atau kuantiti yang telah dipersetujui oleh pihak Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) dan pemohon.**

3. Arahan ini adalah **berkuatkuasa mulai 20 Ogos 2010** dan Pentadbir-Pentadbir Tanah adalah diarahkan mematuhi keputusan yang telah ditetapkan.


(Dato' Abd Nasir Bin Hassan)
Pengarah Tanah Dan Galian Selangor

Fail : (17)dlm.PTGS/CR 02/00/2000

Tarikh :20 Ogos 2010